



KUALA LUMPUR, MALAYSIA
QUESTION PAPER-SA II (March 2015)
SUBJECT: BAHASA MELAYU
(SUBJECT CODE – 099)
CLASS: X

Markah : 90

Masa : 3 jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi **empat** bahagian, iaitu **Bahagian A**, **Bahagian B**, **Bahagian C**, dan **Bahagian D**.
2. **Bahagian A** terdiri daripada **Soalan 1** yang mengandungi **empat** bahagian, iaitu (i), (ii), (iii), dan (iv). Anda diwajibkan menjawab ke semua bahagian tersebut.
3. **Bahagian B** terdiri daripada **Soalan 2** yang mengandungi **tiga** bahagian, iaitu (i), (ii), dan (iii). Anda diwajibkan menjawab ke semua bahagian tersebut.
4. **Bahagian C** terdiri daripada **Soalan 3**, **Soalan 4**, dan **Soalan 5** yang mengandungi 25 soalan tatabahasa berbentuk objektif. Jawab semua soalan.
5. **Bahagian D** terdiri daripada **Soalan 6** dan **Soalan 7** yang mengandungi **dua** soalan KOMSAS berbentuk objektif dan **Soalan 8** dan **Soalan 9** mengandungi **dua** soalan KOMSAS berbentuk subjektif. Anda dikehendaki menjawab semua soalan.
6. Anda dinasihatkan supaya mengambil masa untuk menjawab soalan **Bahagian A (50 minit)**, **Bahagian B (40 minit)**, **Bahagian C (40 minit)**, dan **Bahagian D (30 minit)**.
7. Anda dikehendaki menulis jawapan dalam kertas jawapan yang telah disediakan.
8. Anda diberi masa **15 minit** untuk membaca kertas soalan. Anda **tidak** dibenarkan menulis atau membuat sebarang catatan dalam tempoh tersebut.
9. Kertas soalan ini mengandungi **16 muka surat** sahaja.

**Bahagian A
[20 Markah]**

SOALAN 1

- (i) Baca rencana di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

(5 Markah)

Malaysia mempunyai 14 buah negeri. Sembilan buah negeri telah mengamalkan sistem pemerintahan beraja, manakala lima buah negeri lagi tidak mengamalkan sistem pemerintahan beraja. Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail merupakan Raja Melayu yang paling lama memerintah. Baginda dilahirkan pada 25 November 1920 dan merupakan Raja Perlis yang kelima. Pada 4 Disember 1945, baginda telah ditabalkan menjadi Raja Perlis dan sekali gus menjadi pemerintah negeri tersebut. Selama 55 tahun negeri Perlis berada di bawah pemerintahan beliau. Pada tahun 1955, baginda telah menyambut Jubli emas pemerintahannya dan dipercayai bahawa baginda merupakan raja yang paling lama memerintah sesebuah negeri di dunia.

Baginda mendapat pendidikan awal di Sekolah Menengah Arau, Perlis dan telah melanjutkan pelajaran di Penang Free School, Pulau Pinang. Pada tahun 1940, baginda telah dilantik menjadi Majistret di Kangar dan pada tahun 1941 baginda telah ditukarkan ke Kuala Lumpur. Selepas Perang Dunia Kedua tamat, baginda telah ditabalkan sebagai Raja Perlis bagi menggantikan ayahandanya yang telah *mangkat*.

Baginda sangat mengambil berat akan pendidikan anak-anak negeri Perlis. Banyak sumbangan yang telah disalurkan oleh baginda dalam melihat kemajuan dalam bidang pendidikan. Oleh itu, baginda telah mengambil inisiatif dengan menubuhkan “Tabung Derma Pelajaran Negeri Perlis” sehingga tertubuhnya Sekolah Inggeris Derma. Sekolah ini merupakan sekolah Inggeris yang pertama di negeri Perlis.

Pada tahun 1960, baginda telah dipilih oleh Majlis Raja-raja Melayu sebagai Yang di-Pertua Agong Ketiga. Apabila Persekutuan Tanah Melayu berubah menjadi Persekutuan Malaysia pada 16 September 1963, baginda dan permaisurinya, Tuanku Budriah menjadi yang di-Pertua Agong serta Raja Permaisuri Agong Malaysia yang pertama.

1. Siapakah Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail?
 - A. Raja negeri Perlis.
 - B. Raja negeri Perak.
 - C. Raja negeri Sabah.
 - D. Raja negeri Sarawak.
2. Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail telah dilahirkan pada ...
 - A. 16 September 1963.
 - B. 4 Disember 1945.
 - C. 25 November 1920.
 - D. 15 Julai 1940.
3. Di manakah Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail mendapat pendidikan awal?

- A. Sekolah Inggeris Derma.
 - B. Sekolah rendah Arau, Perlis.
 - C. Penang Free School, Pulau Pinang.
 - D. Sekolah Menengah Arau, Perlis.
4. Perkataan *mangkat* bermaksud ...
- A. tidur
 - B. meninggal dunia
 - C. beradu
 - D. pergi
5. Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail pernah dilantik sebagai?
- A. Jurucakap.
 - B. Majistret.
 - C. Doktor.
 - D. Penderma.

(ii) **Baca laporan di bawah ini dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.**

(5 Markah)

KEMPEN GIGI SIHAT DI SEKOLAH KEBANGSAAN KEPONG

Pada 24 dan 25 Julai 2014 yang lalu, Kempen Gigi Sihat telah diadakan di Sekolah Kebangsaan Kepong. Kempen ini telah dianjurkan oleh Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dengan kerjasama Pusat Kesihatan Daerah Kuala Terengganu. Kempen ini diadakan adalah bertujuan untuk mendidik murid-murid pentingnya menjaga kesihatan gigi. Hal ini kerana, sejak akhir-akhir ini didapati murid-murid sering mengalami kesakitan dan kerosakan pada gigi akibat daripada penjagaan yang tidak betul. Oleh itu, kempen ini adalah untuk mendedahkan kepada murid-murid berkaitan langkah-langkah penjagaan awal yang perlu diketahui oleh murid-murid agar memiliki gigi yang sihat dan cantik.

Bersempena dengan kempen tersebut, terdapat pelbagai acara sampingan yang telah dijalankan. Antara aktiviti yang disediakan termasuklah pemeriksaan dan rawatan gigi secara percuma, ceramah berkaitan dengan kesihatan gigi, pertunjukan cara menggosok gigi yang betul, serta pameran kesihatan gigi. Pusat Kesihatan juga telah menyediakan ubat gigi dan berus gigi secara percuma kepada murid-murid. Ceramah kesihatan gigi telah disampaikan oleh Doktor Munirah Abdullah, manakala pertunjukan cara menggosok gigi dengan betul telah disampaikan oleh jururawat-jururawat terlatih.

Kempen ini banyak memberi manfaat dan faedah kepada orang ramai terutamanya ibu bapa dan murid-murid berkaitan dengan penjagaan gigi yang betul. Oleh itu, pihak pengangur bercadang untuk mengadakan kempen seperti ini sebagai acara tahunan agar semua pihak mendapat faedah daripada kempen tersebut.

Disediakan oleh:

27 Julai 2014

Azlinda

(AZLINDA SAMAT)

Setiausaha,

“Kempen Gigi Sihat”

Sekolah Kebangsaan Kepong.

1. Bilakah Kempen Gigi sihat diadakan?
 - A. 27-28 Julai 2014.
 - B. 24-25 Julai 2014.
 - C. 4-5 Julai 2014.
 - D. 7-8 Julai 2014.
2. Apakah tujuan kempen tersebut diadakan?
 - A. Mendapat ubat gigi dan berus gigi secara percuma.
 - B. Mendengar ceramah berkaitan dengan kesihatan gigi.
 - C. Mengajar murid-murid menggosok gigi.
 - D. Memberi pendedahan awal berkaitan dengan penjagaan gigi kepada murid-murid.
3. Siapakah yang menyampaikan ceramah berkaitan dengan kesihatan gigi?
 - A. Doktor Abdullah Ismail.
 - B. Doktor Munirah Abdullah.
 - C. Doktor Azlinda Samat.
 - D. Doktor Rashid Rasul.
4. Berikut adalah aktiviti yang dijalankan semasa Kempen Gigi Sihat, **KECUALI** ...
 - A. Pemeriksaan dan rawatan gigi secara percuma.
 - B. Ceramah kesihatan gigi.
 - C. Mendapat membeli ubat gigi dan berus gigi yang baharu.
 - D. Pertunjukan cara menggosok gigi dengan betul.
5. Penyataan di bawah adalah benar berkaitan dengan Kempen Gigi Sihat, **KECUALI** ...
 - A. Jururawat terlatih telah menunjukkan cara menggosok gigi yang betul.
 - B. Kebanyakan murid-murid sekolah mengalami masalah kerosakan gigi.
 - C. Doktor Munirah Abdullah menyampaikan ceramah kesihatan gigi.
 - D. Ubat gigi dan berus gigi diberikan kepada pemenang gigi cantik.

(iii) **Baca puisi di bawah ini. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.**

(5 Markah)

Ikan kembung sedap rasanya,
Enak lagi ikan tenggiri;
Bercakap bohong buruk padahnya,
Bagai menikam diri sendiri.

Pagi-pagi di hari raya,
Berbaju kurung berbunga keladi;
Jika leka menghitung hari,
Masa terbuang kerja tak jadi.

Cerita jenaka belum tamat,
Tukang cerita berbaju lusuh;
Kalau mahu hidup selamat,
Jangan suka mencari musuh.

1. Apakah jenis puisi di atas?
 - A. Pantun
 - B. Syair
 - C. Sajak
 - D. Gurindam
2. Frasa *masa terbuang kerja tak jadi* boleh dipadankan dengan peribahasa?
 - A. Hargailah masa.
 - B. Masa itu emas.
 - C. Masa pelita hidup.
 - D. Bertangguh itu pencuri masa.
3. Mengapa kita tidak boleh mencari musuh?
 - A. Kerana akan menyusahkan hidup.
 - B. Kerana terlalu banyak godaan.
 - C. Kerana mahu hidup selamat.
 - D. Kerana sukar untuk mendapatkan kawan.
4. Frasa *bagai menikam diri sendiri* bermaksud ...
 - A. Bercakap bohong.
 - B. Suka mencari musuh.
 - C. Membuat perkara yang tidak elok.
 - D. Menjadi mangsa atas perbuatan sendiri.
5. Pengajaran yang terdapat dalam puisi di atas, **KECUALI** ...

- A. Jangan bercakap bohong.
- B. Menghargai masa yang ada.
- C. Berbuat baik sesama manusia.
- D. Suka mencuri tulang.

(iv) Baca artikel di bawah ini. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

(5 Markah)

TAPAH, 15 Julai-Suasana menjelang Hari Raya telah bertukar menjadi pilu apabila beberapa buah rumah telah musnah dalam suatu kebakaran petang ini. Ketua Polis Daerah Batang Padang, Penolong Pesuruhjaya Asmawi Nordin menjelaskan bahawa dua orang kanak-kanak yang berumur 4 tahun dan 12 tahun telah cedera dalam kebakaran tersebut. Mereka telah terperangkap di dalam bilik tidur tetapi sempat diselamatkan oleh anggota bomba. Bapa mangsa seorang penjual didapati tidak berada di rumah ketika kejadian. Manakala ibu mangsa juga telah mengalami patah kaki semasa cubaan lari keluar dari rumah. Semua mangsa yang cedera telah dihantar ke Hospital Daerah Tapah untuk menerima rawatan selanjutnya.

Pihak bomba mendapati punca kebakaran tersebut adalah berpunca daripada litar pintas dari salah sebuah rumah yang telah mengakibatkan lima buah keluarga tinggal sehelai sepingga. Tiada barang dapat diselamatkan kerana air semakin marak. Buat sementara waktu, mangsa kebakaran ditempatkan di Balai Raya dan di rumah saudara mara terdekat. Pegawai Operasi Bomba dan Penyelamat, berkata bahawa dua buah kereta bomba dengan 14 anggota bergegas ke tempat kejadian selepas menerima panggilan kira-kira jam 2:30 petang. Pihak bomba mengalami masalah untuk memadamkan kebakaran kerana tekanan air rendah dan di kawasan tersebut air sungai sangat cetek kerana cuaca panas dan kering. Walau bagaimanapun, pihak bomba dapat mengawal kemarakan api dalam masa 30 minit.

1. Di manakah kebakaran tersebut berlaku?
 - A. Tapah.
 - B. Hospital Daerah Tapah.
 - C. Sekolah.
 - D. Kampung.
2. Mengapakah bapa mangsa tidak terlibat dalam kebakaran tersebut?
 - A. Berada di laut.
 - B. Sedang berniaga.
 - C. Sedang memancing.
 - D. Berada di rumah jiran.

3. Di bawah adalah masalah yang dihadapi oleh anggota bomba semasa hendak memadamkan kebakaran, **KECUALI** ...
 - A. ketiadaan pili bomba.
 - B. tekanan air rendah.
 - C. air sungai cetek.
 - D. cuaca panas dan kering.
4. Berapa lama masa yang diambil oleh anggota bomba untuk memadamkan kebakaran?
 - A. 45 minit.
 - B. 1 jam.
 - C. 30 minit.
 - D. 1 jam 30 minit.
5. Apakah punca kebakaran tersebut?
 - A. Penggunaan lilin.
 - B. Litar pintas.
 - C. Kilat.
 - D. Pelita.

Bahagian B [20 Markah]

SOALAN 2

- (i) Baca petikan di bawah dengan teliti dan tulis sebuah ringkasan **tentang punca syarikat gagal memuaskan kehendak pelanggan**. Panjang ringkasan anda hendaklah **tidak melebihi 80 patah perkataan**. Anda digalakkan menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

(5 Markah)

Walaupun banyak syarikat yang mendakwa bahawa mereka sentiasa mementingkan kepuasan pelanggan, namun masih banyak rungutan dan luahan rasa tidak puas hati yang kedengaran daripada para pelanggan tentang layanan yang diberikan oleh sesebuah syarikat. Menerusi kajian yang dalam buku "*Keep Customers for Life*", mendapati 62 peratus daripada syarikat langsung tidak mengambil kira aspek kepuasan pelanggan.

Pada masa yang sama, masih terdapat syarikat yang mengambil kira aspek keperluan pelanggan dalam membangunkan produk, namun separuh daripada produk atau perkhidmatan syarikat terbabit disediakan tanpa mengambil kira pendapat pelanggan. Kegusaran timbul apabila hasil kajian mendapati 12 peratus daripada syarikat yang menjadi responden tidak menggunakan kaedah formal bagi memastikan kehendak para pelanggan dipatuhi. Antara sebabnya ialah pengendali perniagaan kurang arif mengenai objektif utama pembekal untuk mewujudkan dan memupuk kepuasan serta kesetiaan pelanggan yang telah menerima nilai tambah daripada pembekal mereka. Mereka yakin bahawa mereka mampu meraih kejayaan dalam perniagaan dengan menghasilkan produk atau perkhidmatan tetapi mereka jarang-jarang terfikir untuk mendapatkan pelanggan yang berpuas hati dengan produk yang dihasilkan.


Para pekerja juga mempunyai penglibatan dan skop yang kurang memuaskan dalam hal menentukan kepuasan pelanggan. Kebanyakan pekerja terdiri daripada pelbagai peringkat termasuklah kerani, jurujual, dan akauntan. Malah peringkat pengurusan telah menganggap pelanggan sebagai gangguan dalam urusan kerja mereka. Para pekerja berasa terpisah daripada pelanggan walaupun mereka sebenarnya berada dalam satu rantai ekonomi yang mendukung konsep permintaan dan penawaran. Sesuatu produk juga telah direka dan dihasilkan berdasarkan pandangan jurutera dengan tanpa mengambil kira pandangan pelanggan. Pihak syarikat harus faham bahawa pelanggan yang berpuas hati akan memberitahu lima orang yang lain berkenaan dengan pengalaman manis mereka semasa menggunakan produk atau perkhidmatan syarikat tersebut.

Situasi seperti ini akan mengundang kesan buruk kepada syarikat terbabit. Keadaan ini lebih malang apabila pelanggan yang tidak berpuas hati tidak meluahkan perasaan tersebut, sebaliknya pelanggan tersebut telah beralih kepada produk atau perkhidmatan yang lain secara senyap-senyap. Hal ini kerana, pelanggan yang setia akan menguntungkan berbanding dengan pelanggan yang hanya mencuba sekali-sekala sahaja.

(Dipetik dan diubahsuai daripada rencana
“Mengapa Syarikat Gagal Memuaskan Kehendak
Pelanggan?” Oleh Nik Kamal Hj. Yeop Yunus,
Dewan Ekonomi, Oktober 2005)

- (ii) Berdasarkan rajah di bawah, **huraikan pendapat anda tentang amalan gaya hidup sihat yang wajar diperlakukan dalam kehidupan**. Panjang huraian anda hendaklah **tidak melebihi 150 patah perkataan**.

(5 Markah)



- (iii) Tulis sebuah karangan tentang **salah satu** daripada perkara di bawah. Panjang karangan anda hendaklah **tidak melebihi 150 patah perkataan.** **(10 Markah)**

iii(a) Ketika dunia mengejar kepada arus kemodenan dan globalisasi, kebanyakan remaja kini hilang perasaan cinta akan negara dalam diri mereka. Apakah puncanya?

Bincangkan penyataan di atas.

atau

iii(b) Apabila melakukan sesuatu kerja kita mestilah bersungguh-sungguh. Ini dapat digambarkan seperti “genggam bara api biar sampai menjadi arang”.

Tuliskan *sebuah cerita* berdasarkan maksud peribahasa tersebut.

Bahagian C
[25 Markah]

SOALAN 3

Ayat-ayat di bawah ini **mungkin betul** atau **mungkin salah**. Tandakan **A**, **B**, atau **C** jika ayat itu mempunyai kesalahan dan tandakan **D** jika tiada kesalahan.

(10 Markah)

- i. Walaupun Hamid kaya, akan tetapi beliau tergolong dalam gugusan orang yang pemurah
A B C
dan tidak riak. Tiada kesalahan.
D
- ii. Ketiga-tiga orang pelajar-pelajar yang cemerlang itu telah menerima biasiswa untuk
A B
melanjutkan pelajaran ke luar negara. Tiada kesalahan.
C D
- iii. “Askar-askar yang belot dalam perjuangan akan dihadapkan ke muka pengadilan”, kata
A B
Sarjan kepada anak buahnya. Tiada kesalahan.
C D

- iv. Syarikat Alam Jaya bercadang untuk membina beberapa blok rumah pangsa di
A B
kawasan lapang berhampiran tasik itu. Tiada kesalahan.
C D
- v. Ramai ibu bapa yang hadir dalam mesyuarat Perjumpaan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) di
A B C
Sekolah Menengah Kota Damansara. Tiada kesalahan.
D
- vi. Penyamun itu berlari seperti lipas kudung bila bertembung dengan anggota polis yang
A B
sedang melakukan rondaan di kawasan perumahan tersebut. Tiada kesalahan.
C D
- vii. Penyebaran khabar angin akan menimbulkan keresahan orang awam dan akan
A B
menjejaskan ketenteraman di sebuah negara. Tiada kesalahan.
C D
- viii. Media massa mempunyai pengaruh yang sangat besar ke atas kehidupan manusia dan
A B
penularannya sukar dibendung. Tiada kesalahan.
C D
- ix. Pedalaman dasar Sungai Ulu Langat dilakukan untuk mengelakkan berlakunya banjir
A B
sehingga memusnahkan tanaman di situ. Tiada kesalahan.
C D
- x. Pemandu bas itu langsung tidak mengendahkan keselamatan para penumpang apabila
A B
bas tersebut dipandu tanpa mematuhi undang-undang jalan raya. Tiada kesalahan.
C D

SOALAN 4

Pilih jawapan yang paling tepat.

(10 Markah)

- i. Kapten Ranjit telah berkhidmat sebagai _____ di sebuah syarikat penerbangan terkemuka di Australia sejak 20 tahun lepas.
- A. jurubina
B. jurumudi
C. juruselam
D. juruterbang

- ii. "Tuanku, _____ akan menyiasat aduan yang dikemukakan oleh saudagar-saudagar dari negara China itu dengan segera," sembah Bendahara Tun Perak.
- A. patik
B. beta
C. aku
D. saya
- iii. _____ bulan Monica akan menyimpan _____ daripada wang sakunya di dalam tabungannya.
- A. Setengah setengah
B. Setiap satu
C. Setiap setengah
D. Semua setengah
- iv. "_____ kemaskan ruang makan setelah selesai makan," kata Ani kepada adiknya.
- A. Harap
B. Tolong
C. Usah
D. Jangan
- v. Ah Chong telah pergi _____ New Zealand bagi menghabiskan cuti tahunannya.
- A. ke
B. pada
C. kepada
D. daripada
- vi. Nenek duduk berehat di _____ pokok jambu sambil menghirup udara petang.
- A. atas
B. tepi
C. belakang
D. bawah
- vii. Sikap _____ ketika makan yang ditunjukkan oleh Swee Lam menyebabkan dia tidak disenangi oleh kawan-kawannya.
- A. tamak
B. gelojoh
C. cepat
D. gopoh

- viii. Makcik Halimah mengambil _____ pinang dan _____ daun sirih untuk dimakannya.
- A. sekeping sekeping
 - B. sebiji sekeping
 - C. sekeping sehelai
 - D. sebuah sehelai
- ix. Haziq _____ pasu bunga yang diletakkan di tepi pagar.
- A. terlanggar
 - B. terpijak
 - C. terbalik
 - D. terlingkup
- x. Suasana pagi raya di rumah Joshua _____ dengan suara anak saudaranya.
- A. sunyi sepi
 - B. resah gelisah
 - C. tinggi rendah
 - D. riuh rendah

SOALAN 5

Pilih peribahasa atau maksud peribahasa yang paling sesuai bagi pernyataan-pernyataan yang berikut.

(5 markah)

- i. Janganlah bersikap _____, nanti akan kehilangan kawan.
- A. bagai isi dengan kuku
 - B. bagai aur dengan tebing
 - C. bagai telur di hujung tanduk
 - D. bagai kacang melupakan kulit
- ii. Hubungan Chin dengan Raju _____ walaupun mereka berlainan bangsa.
- A. seperti isi dengan kuku
 - B. seperti gergaji dua mata
 - C. seperti kucing dibawakan lidi
 - D. seperti pahat dengan penukul

Para nelayan di Kampung Setiu bersetuju untuk mendirikan koperasi nelayan untuk memasarkan hasil tangkapan mereka. Mereka bersepakat untuk membahagikan sama rata atas setiap keuntungan daripada hasil jualan yang diperoleh.

- iii. Peribahasa yang sesuai dengan dialog di atas ialah ...
- A. rumah siap pahat berbunyi.
 - B. tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas.
 - C. hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih.
 - D. Hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah.
- iv. Puan Sarina tidak menyesal membeli kasut kulit yang mahal kerana baginya ...
- A. nasi telah menjadi bubur.
 - B. jauh panggang dari api.
 - C. hati hendak semua jadi.
 - D. alah membeli, menang memakai.
- v. Peribahasa *lambat seperti kura-kura* memberi maksud ...
- A. patuh kepada arahan ketua pada setiap masa.
 - B. setiap kerja diberikan akan memakan masa yang lama.
 - C. sentiasa bekerja sama dengan masyarakat setempat.
 - D. memelihara maruah diri.

Bahagian D
[25 Markah]

Bahagian ini terdiri daripada empat bahagian soalan. Anda dikehendaki menjawab semua soalan.

SOALAN 6

Berdasarkan syair di bawah, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

(5 Markah)

ORANG TUA

Nampakkah kau
wanita tua di tepi jalan
mukanya comot rambutnya kusut
membawa bersamanya beg usang
berjalan ke sana ke mari
tanpa suatu destinasi

Nampakkah kau
lelaki tua di hujung jalan
kemejanya kotor seluarnya rabak
duduk di sudut tangga
menunggu sisa makanan restoran mamak
untuk mengalas perut yang kosong.

Nampakkah kau
darah berlumuran di jalan raya
mayat si tua dibiarkan di situ
dan
di bilik mayat pula
tiada siapa datang menuntutnya.

Nampakkah ia seperti mu
mereka juga dicipta oleh-Nya
tetapi bezanya mereka diabaikan
ditinggalkan
oleh anak-anak jahil tidak berbudi
nampakkah kau?

(Dipetik daripada Antologi Harga Sebuah Lukisan, 2012
Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur)

i. Perkara utama yang ingin disampaikan oleh penyair, ialah ...

- A. Penderitaan yang dialami oleh wanita tua.
- B. Tuhan akan membalaas kebaikan yang dilakukan oleh seseorang.
- C. Keikhlasan perlu semasa membuat kebaikan.
- D. Kesengsaraan yang dialami oleh warga emas akibat diabaikan.

ii.

tetapi bezanya mereka tidak berbudi

Maksud syair di atas menggambarkan bahawa ...

- A. anak-anak yang tidak mengenang jasa ibu bapa mereka.
- B. kita hendaklah mengharapkan balasan ataupun pujian setelah melakukan sesuatu kerja.
- C. balasan dan pujian sangat diperlukan setelah melakukan sesuatu kerja.
- D. kerja yang dilakukan tidak akan menjadi jika mengharapkan balasan dan pujian.

iii. Frasa *Nampakkah kau* menggambarkan ...

- A. personifikasi.
- B. repetisi.
- C. sinkof.
- D. simile.

iv. Nilai murni yang terdapat dalam sajak di atas, **KECUALI** ...

- A. bersangka buruk.
 - B. prihatin.
 - C. mengenang budi.
 - D. kasih sayang.
- v. Mengapakah kita perlu melakukan kebaikan kepada kedua-dua ibu bapa kita, **KECUALI**
...
 - A. mereka melahirkan kita.
 - B. mereka banyak berjasa dalam membesarakan kita.
 - C. supaya imej diri seseorang dapat ditingkatkan.
 - D. agar pahala menjaga orang tua akan kekal buat selama-lamanya.

SOALAN 7

Baca cerpen di bawah dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

(5 Markah)

Maryati membuka beg sandangnya dan mengeluarkan bekas makanan dan dua pinggan kertas. Ada aroma yang menyelerakan menusuk rongga hidung. Dia lantas mengeluarkan pula dua gelas plastik serta termos air panas.

“Marilah kita sama-sama menjamu selera, Kamal.” Tangan Maryati pantas, memenuhi pinggan dengan sate ayam, kuah, dan nasi himpit.

“Terima kasihlah. Saya sudah sarapan pagi tadi. Mama saya menyediakan nasi lemak lauk udang galah dan sambal bilis,” jawab Kamal, berterus terang.

“Wah, betapa enaknya kalau aku dapat tumpang sepinggan!” usik Norlela. “Lain kali bawalah ke sekolah, boleh kita sama-sama merasa.”

Kamal Hijaz berasa silu dengan usikan kawannya itu. Tidak tahu cara untuk menjawabnya lagi. Kedua-dua orang kawannya itu, terutamanya Maryati, terlalu *petah bercakap*.

“Tak mengapalah. Tapi, cubalah makan sate mak aku pula. Waktu pertandingan masih jauh lagi.” Maryati melihat jam di tangannya. “Ada kira-kira satu jam lagi. Cubalah,” katanya bersungguh-sungguh.

“Saya sudah kenyang. Terima kasihlah.”

(Dipetik daripada cerpen *Harga Sebuah Lukisan*,
Antologi Harga Sebuah Lukisan, DBP, 2012)

i. Berapa orang watak yang terdapat dalam petikan cerpen di atas?

- A. 2
- B. 3
- C. 4
- D. 5

ii. Apakah yang dibawa oleh Maryati?

- A. sate ayam, nasi lemak, kuah, dan nasi himpit.
- B. sate ayam, kuah, dan nasi himpit.
- C. sate ayam, kuah, udang galah, dan nasi himpit.
- D. sate ayam, sambal bilis, kuah, nasi lemak, dan nasi himpit.

iii.

Petah bercakap

Frasa di atas membawa maksud ...

- A. bercakap dengan lancar.
- B. membisu seribu bahasa.
- C. riuh rendah.
- D. Bagai murai tercabut ekor.

iv. Kamal Hijaz bersifat, **KECUALI** ...

- A. motivator
- B. pemalu
- C. garang
- D. berkeyakinan

v. Cerpen di atas bertemakan?

- A. Keinginan remaja untuk hidup bebas.
- B. Kegigihan dan kesabaran seorang ibu dalam mendidik anaknya sehingga berjaya.
- C. Keluhuran hati dalam persahabatan.
- D. Kepentingan menuntut ilmu dalam kehidupan.

SOALAN 8

i. Apakah tema puisi “*Rumput*”?

.....

(3 Markah)

ii. Apakah persoalan dalam “*Rumput*”?

.....

(3 Markah)

iii. Nyatakan dua nilai yang terdapat dalam “*Rumput*”?

a)

b)

(3 Markah)

SOALAN 9

Berdasarkan kajian Antologi Harga Sebuah Lukisan,uraikan 3 watak yang terdapat dalam cerpen *“Budi Semangkuk Daging”*. **(6 Markah)**

KERTAS SOALAN TAMAT